



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 9 TAHUN 2018**

---

**STRUKTUR PROGRAM PENDIDIKAN  
UNTUK TUJUAN SEMAKAN PROGRAM TAHUN 2018**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
26 Jun 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

26 Jun 2018

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 9 TAHUN 2018**

#### **STRUKTUR PROGRAM PENDIDIKAN UNTUK TUJUAN SEMAKAN PROGRAM TAHUN 2018**

##### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-167 Bilangan 6/2018 yang bersidang pada 26 Jun 2018 yang telah bersetuju meluluskan Struktur Program Pendidikan untuk tujuan Semakan Program Tahun 2018.

##### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Setiap program pengajian yang ditawarkan perlu melalui proses semakan kurikulum apabila mencapai tempoh yang ditetapkan atau apabila ada perubahan terhadap struktur berkenaan.
- 2.2 Mesyuarat Senat Kali Ke-165 Bilangan 4/2018 pada 10 April 2018 telah meneliti cadangan struktur program pendidikan dan meminta agar perbincangan dapat dimuktamadkan dalam Bengkel Semakan Program Mengikut Format COPPA 2017 di Tenera, Bangi, Selangor pada 13-15 April 2018.
- 2.3 Mesyuarat Semakan Komponen Kursus Profesional Pendidikan pada 13 April 2018 telah membincangkan secara terperinci komponen Struktur Program Pendidikan dan dibentangkan dalam Bengkel Semakan Program Mengikut Format COPPA 2017.
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Universiti Kali Ke-160 Bilangan 5/2018 pada 24 Mei 2018 telah bersetuju dengan cadangan Struktur Program Pendidikan terkini.

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

#### 3.1.1 Struktur Program Sarjana Muda Pendidikan

Bil	Komponen	Kredit	%	% MQA
1.	Kursus Universiti	19	14.2	10-15
2.	Kursus Profesional Pendidikan	30	22.4	17-25
3.	Major	45	33.6	28-36
4.	Minor	21	15.7	15-18
5.	Elektif Terbuka	9	6.7	7-10
6.	Latihan Mengajar*	10	7.5	7-12
	Jumlah	134	100	

\* SLT = Latihan Mengajar: 16 minggu X 5 hari X 6 jam X 0.8=384 jam. Program Perantis Guru: 6 minggu X 5 hari X 6 jam X 0.2=36 jam. Jumlah: 420 jam/40 - 10.5 @ 10 jam kredit

#### 3.1.2 Struktur Program Sarjana Muda dengan Pendidikan

Bil	Komponen	Kredit	%	% MQA
1.	Kursus Universiti	19	13.7	10-15
2.	Kursus Profesional Pendidikan	30	21.7	17-25
3.	Major	45	32.6	28-36
4.	Minor	21	15.2	15-18
5.	Elektif Terbuka	9	6.5	7-10
6.	Latihan Mengajar*	10	10.1	7-12
	Latihan Industri	** 4		
	Jumlah	138	100	

\* SLT = Latihan Mengajar: 16 minggu X 5 hari X 6 jam X 0.8=384 jam. Program Perantis Guru: 6 minggu X 5 hari X 6 jam X 0.2=36 jam. Jumlah: 420 jam/40 - 10.5 @ 10 jam kredit

\*\* Ikut standard program

#### 3.1.3 Kursus Baharu dan Kursus KPD 3026

Fakulti boleh mewujudkan dua kursus baharu berdasarkan pengkhususan setiap bidang di fakulti dengan 3 jam kredit setiap satu bagi menggantikan Kursus KPD 3026 yang mempunyai 6 jam kredit.

Kursus KPD 3026 masih ditawarkan kepada pelajar bagi fakulti yang tidak menawarkan kursus baharu berdasarkan pengkhususan.

### 3.1.4 Komponen Kursus Universiti

Kursus Universiti dikurangkan menjadi 19 kredit iaitu dengan mengeluarkan kursus HNF2012 Falsafah Ilmu daripada komponen Kursus Universiti. Kursus ini boleh dipindahkan ke dalam komponen elektif terpulang kepada kesesuaian atau keperluan program masing-masing.

## 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 26 Jun 2018.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik

